

**IDEA
BANGSA IDAMAN ^{DAN}
SISTEM PENDIDIKAN
^{DI} MALAYSIA**

IDEA BANGSA IDAMAN DAN SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA

ANUAR AHMAD

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
MASSA CREATIVE ENTERPRISE
Back side of GF-03A, Menara Paragon, Persiaran Bestari,
Cyber 11, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-077-3

Kandungan

Prakata ... 7

BAB 1 Cetusan Pemikiran Pendidikan Bangsa ... 9

BAB 2 Latar Belakang Pembentukan Masyarakat Malaysia ... 20

BAB 3 Etnisiti, Identiti Etnik dan Masyarakat Plural
di Malaysia ... 37

BAB 4 Kolonialisme, Etnisiti dan Sekolah Vernakular
di Malaysia ... 78

BAB 5 Pembentukan Idea Bangsa Idaman
Pendidikan Orang Melayu ... 102

BAB 6 Pembentukan Idea Bangsa Idaman dari
Pendidikan Sekolah Cina ... 132

BAB 7 Kerencaman Aliran Pendidikan dan Pembentukan Idea
Bangsa Idaman di Malaysia: Satu Analisis ... 151

BAB 8 Masa Depan Pendidikan Bangsa ... 169

Rujukan ... 175

Indeks ... 187

Prakata

Penulisan ini bertujuan meneliti proses pembentukan idea bangsa idaman hasil daripada pelaksanaan sistem pendidikan vernakular di Malaysia, khususnya di sekolah aliran Melayu dan aliran pendidikan Cina. Walaupun pembangunan pendidikan negara semakin berkembang terutama selepas merdeka, para pengkaji dalam bidang sosiologi pendidikan di negara ini tertumpu menjalankan kajian yang lebih menjurus kepada meneliti hubungan pencapaian akademik pelajar antara etnik. Walaupun terdapat pengkaji yang telah meneliti fenomena aliran pendidikan vernakular dan impaknya kepada perkembangan sistem pendidikan, seperti kajian oleh Tan Yoa Sua (2005, 2007); Rosnani Hashim (2004), Hazri Jamil (2006) Tan dan Santhiram (2010), Wan Norhasniah (2011) Kua Kia Soong (1999); Tan Liok Ee (1997) dan Lee Ting Hui (2011), didapati kajian bagi memahami hubungan antara etnisiti dan sistem pendidikan sebagai satu usaha membina '*field of study*' masih kurang dijalankan di negara ini. Penelitian hubungan antara bidang etnisiti dan kaitannya dengan sistem pendidikan kerap kali hanya digunakan sebagai satu 'rujukan pengkategorian' (*categorical reference*) berbanding dengan penggunaan etnisiti sebagai 'alat analisis' untuk mengkaji pengaruhnya dalam proses keputusan politik dan sosial. Justeru itu, adalah penting memahami impak etnisiti terhadap pendidikan dijalankan untuk memahami bagaimana proses keputusan dan polisi berkaitan pendidikan kebangsaan dilaksanakan. Buku ini diharap akan menemukan fungsi etnisiti selaku realiti sosial terhadap sistem pendidikan vernakular sejak zaman kolonial; seterusnya memahami pembaca bagaimana etnik Melayu dan etnik bukan Melayu menyatakan kehendak pendidikan yang mengundang kepada kewujudan berbagai-bagai idea 'bangsa idaman' dalam keadaan '*authority-defined*' dan '*everyday-defined*'; seterusnya menaksir kemunculan berbagai-bagai pendapat 'bangsa idaman' dalam kelompok etnik Melayu dan etnik Cina hasil pengalaman mereka di dalam sistem pendidikan vernakular. Sehubungan itu, buku ini akan menumpukan kepada tiga perkara utama. Pertama, meneliti fungsi etnisiti selaku realiti sosial dan pengaruhnya kepada pengubalan dasar pendidikan yang

berkait rapat terhadap sistem pendidikan vernakular sejak zaman kolonial. Kedua, membahaskan kehendak-kehendak pendidikan etnik Melayu dan bukan Melayu yang mengundang kepada kewujudan berbagai-bagai idea 'bangsa idaman' dalam keadaan '*authority defined*' dan '*everyday defined*', dan ketiga, menjelaskan sejauh mana kesan kemunculan berbagai-bagai idea 'bangsa idaman' dalam kelompok etnik Melayu dan bukan Melayu terhadap pengekaln sistem pendidikan vernakular.

Akhir kata, tentu sahaja buku ini berjaya diterbitkan atas sokongan dan usaha banyak pihak. Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada ahli adaemik dari Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (KITA UKM) khususnya Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharudin, Dr. Nur Atiqah Tang Abdullah, Profesor Datuk Dr. Teo Kok Seong dan Profesor Dr. Mansor Mohd Noor yang banyak memberikan pandangan dan maklumbalas bagi memantapkan penulisan buku ini. Penerbitan buku ini juga dijayakan dengan bantuan Dana Penerbitan Buku (DPB-2022-182).

Anuar Ahmad